

21/03/1998

Mokhzani tumpu tiga bidang utama

SUNGAI PETANI, Jumaat - Mokhzani Mahathir, yang menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Merbok, berjanji akan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama dalam usaha memantapkan ahli pergerakan itu.

Beliau yang diberi laluan oleh bekas Ketua Pemuda lalu, Arazmi Abdul Hamid, berkata pergerakan itu akan melaksanakan program dalam bidang agama, pendidikan dan kesihatan dalam usaha meningkatkan kesedaran ahlinya.

"Saya berharap rangka kerja program tumpuan itu yang terperinci dapat disediakan dalam tempoh dua minggu lagi," katanya ketika ditemui selepas perasmian Persidangan Agung Pergerakan Pemuda bahagian itu, di sini hari ini.

Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Saifuddin Nasution Ismail merasmikan persidangan itu. Hadir sama, Arazmi, Ketua Umno Bahagian Merbok, Badri Yunus dan Ketua Wanitanya, Rosnah Majid.

Bagaimanapun, Mokhzani, 37, tidak dapat memutuskan bentuk program yang bakal dilaksanakan itu sehingga beliau mengadakan mesyuarat pertama dengan ahli jawatankuasa baru Pemuda bahagian itu.

Menurutnya, setelah program itu siap disusun, maklumat mengenainya akan disebarkan ke semua cawangan pergerakan di bahagian berkenaan untuk dijayakan.

Selain itu, katanya pihaknya akan sentiasa melaksanakan program seperti yang menjadi agenda utama pucuk pimpinan pergerakan itu di peringkat pusat sehingga 2001.

Pihaknya juga tidak akan mengetepikan isu kelembapan ekonomi yang dihadapi negara masa kini, sebaliknya akan memberi penerangan mengenainya kepada orang ramai khususnya ahli Umno bahagian itu.

Mokhzani mengucapkan terima kasih kepada Arazmi yang memimpin Pemuda bahagian itu selama 12 tahun.

(END)